

D599

U B627 DEB

MAHATHIR - KEUSAHAWANAN

KUALA LUMPUR, 15 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, PARA PENIAGA KHUSUSNYA PARA PENIAGA KECIL MESTI BERBALIK KEPADA INISIATIF DIRI DAN MEMBANGUNKAN SEMULA SEMANGAT KEUSAHAWAN BAGI MENGATASI KEADAAN KEMELESETAN EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT KEUSAHAWAN INI BUKAN SAHAJA TERDAPAT DI KALANGAN SEKTOR KORPORAT TETAPI JUGA DI KALANGAN PARA PENIAGA KECIL.

+SEBENARNYA KEBANYAKAN SYARIKAT BESAR YANG MAJU PADA HARI INI BERMULA DENGAN BERNIAGA SECARA KECIL-KECILAN YANG DIBINA ATAS SEMANGAT DAYA INISIATIF PARA PENGUSAHA KECIL YANG TELAH MENGASASKANNYA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERINGKAT KEBANGSAAN PENGEDAR-PENGEDAR AMWAY DI SINI.

BELIAU BERKATA PERDAGANGAN DAN KEMEWAHAN NEGARA PADA MULANYA DITEROKAI OLEH PARA PENGUSAHA ASING YANG TELAH DATANG KE NEGARA INI SERTA MENDAPAT PELBAGAI PELUANG KERANA BUMI INI MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER ASLI YANG BEGITU BANYAK.

+KERANA INI JUGALAH KITA TELAH MENIKMATI PEMBANGUNAN YANG PESAT DAN BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN. MALANGNYA HARI INI KITA MENGALAMI KEMELESETAN EKONOMI AKIBAT TINDAKAN DAN TEKANAN DI LUAR DARIPADA KUASA KITA,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1908MST 15 11 86

U B635 DEB

MAHATHIR - KEUSAHAWANAN 2 KUALA LUMPUR

+PADA MASA-MASA LEPAS, KITA TELAH BERGANTUNG PADA BAHAN-BAHAN KOMODITI YANG KITA KELUARKAN DENGAN BEGITU LUMAYAN, TETAPI DENGAN TURUNNYA HARGA BAHAN KOMODITI SEKARANG SECARA BEGITU MENDADAK, KITA PERLU LAH MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN INI,+ KATANYA.

+KITA HARUSLAH MENUMPUKAN PERHATIAN YANG LEBIH KEPADA BIDANG PEMBUATAN DAN PERDAGANGAN,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KOMITMEN DIPERLUKAN BAGI MENGATASI KEMELESETAN EKONOMI. IA MELIBATKAN PENGORBANAN DAN KESANGGUPAN MEMPERTINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KEUPAYAAN MEMBINA KETAHANAN UNTUK MELAHIRKAN PELUANG-PELUANG BARU DI ZAMAN BURUK INI.

+KEMELESETAN INI HARUS DILIHAT SEBAGAI SATU CABARAN SERTA PELUANG UNTUK MENILAI PRESTASI KITA SETAKAT INI. KITA TIDAK SEHARUSNYA BERPUTUS ASA TERHADAP KEMELESETAN YANG BERPANJANG INI KERANA FENOMENA INI DIHADAPI OLEH BANYAK NEGARA MEMBANGUN MALAHAN BEBERAPA NEGARA MAJU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KEBANYAKAN NEGARA LAIN, PRESTASI MALAYSIA TIDAKLAH SEBEGITU BURUK. -- LAGI

1937MST 15 11 86

U B639 DEB

MAHATHIR - KEUSAHAWANAN 3 KUALA LUMPUR

DALAM MENGATASI KEMELESETAN EKONOMI, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL PELBAGAI LANGKAH TEGAS FISKAL DAN KEWANGAN, MEMPERGIATKAN SEKTOR PEMBUATAN, PELANCONGAN DAN PERTANIAN SERTA MENGGALAKKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA TEMPATAN DAN LUAR NEGERI BAGI MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BELIAU GEMBIRA SELANGOR PEWTER BERJAYA DITEMPATKAN DALAM SENARAI BARANGAN YANG DIPASARKAN OLEH RANGKAIAN SYARIKAT AMWAY DI AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU BERHARAP LANGKAH INI MERUPAKAN SATU KEJAYAAN BAGI SELANGOR PEWTER MENEMBUSI PASARAN DAN BERTAPAK DI NEGARA ITU DAN MERINTIS JALAN BAGI BARANGAN BUATAN LAIN DARI NEGARA INI.

BELIAU JUGA BERHARAP BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN YANG LAIN AKAN KELAK DISENARAIKAN DALAM SENARAI BARANG-BARANG YANG DIPASARKAN OLEH SYARIKAT ITU.

PERSIDANGAN PENGEDAR AMWAY KEBANGSAAN ITU YANG DIADAKAN SEMPENA ULANGTAHUN KE-10 SYARIKAT ITU MEMULAKAN KEGIATAN DI NEGARA INI TURUT DIHADIRI OLEH PENGASAS SYARIKAT ITU TERMASUK PRESIDENNYA ENCIK RICH DE VOS.

-- BERNAMA

1946MST 15 11 86